



LOCAL AGENDA 21 (LA21)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT GOALS

17 GOALS TO TRANSFORM OUR WORLD



PENGENALAN

Local agenda 21 (LA21) merupakan suatu program yang menekankan penglibatan tiga (3) pihak iaitu **PBT, komuniti dan sektor swasta** bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

WAWASAN LA21 MPS

"**MEWUJUDKAN SELAYANG KE ARAH PERBANDARAN SELAMAT, TERANCANG, MAMPAN BERTEKNOLOGI DAN BERINTEGRITI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT**"

OBJEKTIF LA21 MPS

- Mendedahkan komuniti Selayang dan pihak berkepentingan tempatan kepada isu-isu pembangunan mampan
- Menjelaskan bahawa tanggungjawab pembangunan mampan adalah tanggungjawab bersama MPS, komuniti, pihak berkepentingan dan agensi swasta.
- Merumus pelan tindakan LA21 berdasarkan isu-isu pembangunan mampan
- Melaksanakan pelan tindakan LA21 MPS dalam bentuk program dan projek pembangunan mampan.

FAEDAH LA21 MPS

KEPADА PBT

- Meningkatkan kesefahaman, sokongan dan kerjasama, dengan masyarakat dan sektor swasta dalam program-program yang telah dirancang ataupun yang akan dilaksanakan.
- Imej sebagai badan kerajaan yang mempraktikkan tadbir urus yang baik ataupun yang akan dilaksanakan.
- Penyertaan Awam, ketelusan, kepekaan, kesepakatan, kecekapan dan kebertanggungjawaban dapat ditingkatkan.

KEPADА MASYARAKAT

- Pendapat dan sumbangan anda diambil kira dalam perancangan dan perlaksanaan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup.
- Meningkatkan rasa bertanggungjawab, cinta, bangga terhadap alam sekitar dan rasa "sense of belonging".
- Kualiti hidup dapat ditingkatkan melalui persekitaran yang lebih bersih, selesa, nyaman dan selamat.

KEPADА SWASTA

- Peluang untuk memberi bantuan, sumbangan dan khidmat bagi sama-sama menjayakan program yang telah dirancang.
- Imej syarikat sebagai sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dan peka terhadap alam sekitar dan keperluan masyarakat dapat ditingkatkan.
- Juga memberi peluang untuk mempromosi produk-produk keluaran syarikat melalui tajaan ke atas aktiviti-aktiviti dalam Program LA21.

JAWATANKUASA LA21

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JAWATANKUASA
BANDAR SELAMAT
DAN
BEBAS HALANGAN



JAWATANKUASA
MEMPERKASA
PEMBANGUNAN
KOMUNITI



JAWATANKUASA
KEJIRANAN HIJAU



LOCAL AGENDA 21
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



JAWATANKUASA
3K



JAWATANKUASA
KERJA
MEMPERKASA PEMBANGUNAN
KOMUNITI

Jawatankuasa Kerja Memperkasa Pembangunan Komuniti adalah sebuah jawatankuasa yang memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran tentang perkara yang berkaitan, kebijakan, keselamatan dan kebersihan alam sekitar. Secara khususnya, jawatankuasa ini juga berperanan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu berkaitan gejala sosial, dan kebijakan masyarakat.



JAWATANKUASA
KERJA
BANDAR SELAMAT
BEBAS HALANGAN

Program Bandar Selamat merupakan satu program langkah pencegahan jenayah dalam memastikan sesebuah bandar dapat dikurangkan kadar kes jenayah dan membolehkan penduduk bandar dapat hidup dalam keadaan yang selesa serta selamat. 3 strategi utama Program Bandar Selamat merangkumi mereka bentuk persekitaran fizikal, memperkasakan kawasan sasaran dan pengurusan, penyertaan komuniti & kesedaran awam.



JAWATANKUASA
KERJA
KEJIRANAN HIJAU

Jawatankuasa kejiranan hijau berperanan membantu mengurangkan pengeluaran karbon, mengurangkan peningkatan suhu bandar, mewujudkan kualiti persekitaran hidup dan komuniti yang berdayahuni serta mampan. Bertindak dalam menyediakan kawasan dan kemudahan untuk pelaksanaan program dan aktiviti komuniti seperti Kebun Komuniti dan Program Tanam Pokok.



JAWATANKUASA
KERJA
3K

Jawatankuasa 3R bertanggungjawab membudayakan amalan pengasingan sisa daripada sumber termasuk mengurangkan(reduce), guna semula (reuse) dan mengitar semula (recycle) bagi kelangsungan kelestarian alam sekitar dan bumi.








JAWATANKUASA KERJA MEMPERKASA PEMBANGUNAN KOMUNITI





JAWATANKUASA KERJA BANDAR SELAMAT & BANDAR BEBAS HALANGAN



Strategi 1
Mereka Bentuk Persekutuan Fizikal

- Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
- Pelaksanaan Reka Bentuk Persekutuan Fizikal yang Selamat
- Pemetaan GIS Jenayah

Strategi 2
Memperkasakan Kawasan Sasaran

- Penyediaan balai polis tetap atau bergerak
- Penyediaan cermin keselamatan
- Penyediaan papan tanda peringatan jenayah
- Penyediaan tempat letak motosikal berkunci
- Penyediaan tempat awam tidak terlindung dari pandangan awam
- Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah dengan jenayah
- Pencatayaan
- Penggerak Keselamatan
- Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam
- Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam
- Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan
- Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT

Strategi 3
Pengurusan, Penyertaan & Kesedaran Komuniti

Masyarakat perlu beri maklumat atas jenayah

Step up the crime prevention campaign for the community

- Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti
- Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan
- Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh PBT





JAWATANKUASA KERJA KEJIRANAN HIJAU



JAWATANKUASA KERJA KEBERSIHAN, KESIHATAN & KELESTARIAN (3K)

